

**PERANAN GURU BESAR SEBAGAI
PENGURUS PERUBAHAN DAN PELAKSANA
KSSR DI SEKOLAH: SENARIO DI SRA
INTEGRASI (SRAI) NEGERI SELANGOR**

Mahani Md Hashim,¹ dan Azman Mohd Lana²

Abstrak

Perubahan akan sentiasa berlaku dalam setiap organisasi. Perubahan juga sering dikaitkan untuk berubah ke arah kebaikan bagi menuju kejayaan. Perubahan juga berlaku bagi memenuhi tuntutan sekeliling, organisasi setempat mahupun globalisasi. Penemuan, inovasi terkini dan kemajuan teknologi juga mempengaruhi organisasi untuk terus berubah. Inovasi juga berkait rapat dengan produktiviti dan pencapaian pelajar di sekolah. Kertas konsep ini akan menghuraikan peranan Guru Besar dalam menguruskan perubahan di sekolah secara umum dan juga secara khusus dalam menangani isu serta senario di sekolah-sekolah rendah agama integrasi (SRAI) di seluruh negeri Selangor. SRAI yang melaksanakan dwi-kurikulum iaitu Kurikulum agama dan KSSR (integrasi) seharusnya mempunyai guru besar yang sentiasa bersedia, inovatif serta dinamik dalam melaksanakan sebarang perubahan di sekolah. Peranan guru besar dan perubahan di sekolah sangat berkait rapat dan memerlukan penglibatan secara menyeluruh ahli organisasi. Di sekolah, peranan guru besar adalah sangat penting iaitu gaya kepimpinannya dapat mempengaruhi dan memajukan tahap perubahan dan pelbagai pembaharuan di sekolah. Selain sebagai agen perubahan di sekolah guru besar adalah penaja terhadap sesuatu perubahan yang akan dilaksanakan. Perubahan di sekolah merupakan sesuatu yang kompleks. Proses perubahan perlu kepada tindakan dan susunan yang rapi manakala langkah-langkah serta strategi perlu dirangka untuk menangani sebarang masalah yang timbul. Fungsi dan peranan guru besar yang berjaya merealisasikan sebarang perubahan akan melahirkan sekolah yang berkesan.

Kata kunci: guru besar, pengetua, pengurus, perubahan

¹ Mahani Md Hashim adalah Guru di Sekolah Rendah Agama Jenderam Hulu. E-mel: ani.hash1602@gmail.com.

² Azman Mohd Lana adalah Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor. E-mel: azmanmohdlana@jais.gov.my.

**THE ROLE OF THE HEADMASTER AS A
MANAGER OF CHANGE AND IMPLEMENTER
OF KSSR IN SCHOOL: THE SCENARIO IN SRA
INTEGRASI (SRAI) IN THE STATE OF SELANGOR**

Abstract

Change in any organisation is inevitable and occurs constantly. Change is often associated with the betterment of the organisation in order to achieve success. Change also occurs to meet outside demands, organisational needs and needs linked to globalisation. New discoveries, current innovations and technological advancements also influence organisations to continuously change. Innovations are also closely linked to productivity and student achievement in school. This concept paper discusses the role of the headmaster in managing change in school in general and specifically in dealing with issues and scenarios in primary integrated religious schools (SRAI) in the state of Selangor. SRAI which adopts a dual curriculum which encompasses of the religious curriculum and the KSSR (integrated) should have headmasters who are always ready, innovative and dynamic in implementing any changes in school. The headmaster's role and changes in school are closely linked and requires the participation and engagement of all members of the organisation. In school, the role of the headmaster is crucial and his/her administrative style can influence and enhance the level of change and variety of new initiatives in school. Other than being the agent of change in school, the headmaster is the catalyst and sponsor of change that is to be implemented. Changes in school are complex. The process of change requires action and strategic planning, while the steps and strategies have to be carefully planned to foresee and deal with any problems that may arise. A headmaster who plays his/her role well would successfully help materialise positive changes that would result in an effective school.

Keywords: *headmaster, principal, manager, change*

Pendahuluan

Dunia pendidikan bukan sesuatu yang statik tetapi merupakan satu proses yang dinamik. Perubahan akan berlaku dalam setiap aspek bidang pendidikan sama ada berlaku kepada individu atau organisasi. Proses perubahan berlaku akibat memenuhi keperluan globalisasi yang semakin maju dalam bidang pendidikan dan tidak dapat dielakkan. Proses perubahan merupakan salah satu perkara asas bagi menstabilkan dan meneruskan serta mengekalkan persekitaran atau suasana sekolah itu sendiri. Ianya proses yang

bercabang (kompleks) tetapi berpusat/bertumpu³. Perubahan mempunyai erti atau konotasi peralihan, anjakan, transformasi, inovasi, adaptasi atau reformasi dan kesemua istilah ini merujuk kepada keadaan yang berubah daripada keadaan yang sedia ada kepada suatu keadaan yang lebih baik dan maju⁴.

Mengurus perubahan memungkinkan mewujudkan situasi yang baru daripada situasi yang lama. Konteks perubahan dalam organisasi dapat dikaitkan dengan keadaan pergolakan dan huru-hara yang boleh menjuruskan kepada keadaan kelam kabut⁵.

Ciri-ciri Perubahan

Dunia kini sudah memasuki alaf baru dan beberapa isu hangat terkini diberi perhatian. Antara isu tersebut adalah yang berlaku dalam kehidupan berkaitan dengan tuntutan yang berlaku dalam kehidupan manusia akibat daripada perubahan persekitaran luaran yang pesat dan pantas. Perubahan merupakan perkara normal yang wujud dalam organisasi untuk terus bermandiri malah organisasi perlu untuk mengurus perubahan dengan efektif.

Morrison⁶ menjelaskan perubahan mengandungi beberapa ciri-ciri seperti berikut:

- i. Perubahan adalah struktural, sistematik dan mempunyai kesan gangguan kepada sistem.
- ii. Perubahan adalah proses dinamik dan bukannya suatu peristiwa.
- iii. Perubahan adalah non-linear Ia boleh dikaitkan dengan teori Chaos dan kompleksiti.
- iv. Perubahan adalah fenomena multidimensi (mengandungi objektif, fungsi, organisasi, pentadbiran, struktur, pengetahuan, kemahiran, tingkah laku, nilai, kepercayaan, peranan, perhubungan, tujuan, kurikulum, pedagogi, sumber, pentaksiran dan pengukuran).

³ Joseph Blase, "The Micropolitic of Educational Change," *Jurnal Extending Educational Change* (2005).<https://link.springer.com> pp 264-277

⁴ Mohd Izham dan Sufean Hussein, *Pengurusan Perubahan Terancang dalam Pembastarian Sekolah, Proses Pelaksanaan Polisi* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2009).

⁵ Abdul Aziz Yusuf, *Mengurus Perubahan dalam Organisasi* (t.tp.: Arah Publication, 2008).

⁶ Mohammed Sani, Mohd Izham dan Jainabee, *Sekolah Berkesan* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008).

- v. Perubahan berpegang kepada perspektif pelbagai.
- vi. Perubahan memerlukan pelaburan dari segi struktur, institusi, manusia, teknologi dan sokongan psikologi
- vii. Perubahan memerlukan penglibatan manusia, menyebabkan kerisauan dan ketidakpastian serta memerlukan kemahiran baru.

Perubahan perlu untuk menangani kehendak dan tuntutan kehidupan yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Begitu juga halnya dengan pendidikan yang melibatkan perubahan dalam organisasi dan perubahan yang melibatkan pemegang taruh. Oleh kerana kerapnya berlaku perubahan dalam pendidikan maka dapatlah dikatakan bahawa ‘sesuatu yang kekal dalam pendidikan adalah perubahan itu sendiri.

Konsep Perubahan di Sekolah

Terdapat pelbagai istilah yang berkait rapat dengan perubahan (*change*). Dari perspektif pengurusan sekolah, konsep perubahan dilihat dari pelbagai sudut. Menurut Karin Lukk, Marika Veisson dan Loone Ots⁷, berkaitan perubahan di sekolah; ‘perubahan ialah merancang untuk perubahan dan ia merupakan sesuatu yang amat penting untuk berjaya’. Fullan, dalam Mohammed Sani dan Mohd Izham⁸, mengatakan inti pati perubahan pendidikan ialah mengetengahkan sesuatu yang baru untuk diamalkan. Justeru itu, perubahan dilakukan bagi memenuhi persaingan di sekeliling untuk memenuhi keperluan sejagat. Pola perubahan secara perlahan-lahan dan berterusan pula dilihat sebagai dapat menghasilkan kesan yang lebih tahan lama, berbanding mereka yang melakukan perubahan untuk mendapatkan pulangan yang serta-merta. Definisi “perubahan” diertikan sebagai ‘perihal mengubah’, ‘pengalihan’ atau ‘peralihan` iaitu perihal beralih atau bertukar (daripada satu pucuk pimpinan kepada pucuk pimpinan yang lain, daripada satu keadaan kepada keadaan yang lain’⁹.

⁷ Karin Lukk, Marika Veisson, dan Loone Ots, “Characteristic of Sustainable Changes for Schools”, *Journal of Teacher Education for Sustainability*, vol. 9 (2008) pp. 35-44.

⁸ Mohammed Sani dan Mohd Izham, *Pengurusan Perubahan Makro dalam Pendidikan* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012).

⁹ *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1997), 29.

Perubahan yang berlaku dalam sesebuah organisasi seperti sekolah haruslah melibatkan ciri-ciri yang berterusan (Kaizen), berlaku secara beransur-ansur serta menyeluruh ke arah yang lebih baik atau penambahbaikan. Perubahan juga dikaitkan dengan memperkenalkan sesuatu tingkah laku baru atau amalan-amalan baru yang diharap akan dapat memperbaiki amalan atau keadaan yang sedia ada di sekolah. Oleh itu perubahan tidak dapat dipisahkan daripada konsep “transformasi”, “inovasi” dan penambahbaikan.


Konsep perubahan ialah pertukaran daripada apa yang sedia ada dan perubahan merupakan satu proses yang berterusan. Dari perspektif pengurusan sekolah, apa saja yang dilakukan oleh pengetua atau guru besar selaku pemimpin dan pengurus adalah berkaitan dengan melakukan perubahan. Oleh yang demikian, pengetua atau guru besar adalah individu yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sesuatu perubahan.

Konsep perubahan juga boleh dilihat dari segi tujuan dan matlamatnya. Secara ringkasnya, tujuan utama setiap perubahan adalah meningkatkan keberkesanan. Dengan kata lain, perubahan hendaklah bermatlamatkan untuk memperbaiki mutu dan kecemerlangan pengurusan organisasi. Dalam konteks pendidikan, perubahan-perubahan dilakukan untuk meningkatkan kualiti fungsi pengurusan dan pentadbiran agar sekolah benar-benar menjadi organisasi sosial yang benar-benar efektif dan efisien.

Melaksanakan perubahan di sekolah merupakan suatu proses yang kompleks¹⁰. Proses atau aliran perubahan dapat digambarkan melalui rajah berikut yang menunjukkan berlakunya perubahan daripada keadaan lama kepada keadaan yang baru mengikut Model Tiga Langkah oleh Lewin 1958¹¹, iaitu: (i) nyahbeku (*unfreezing*), (ii) pergerakan (*moving*), dan (iii) membeku semula (*refreezing*). Manakala situasi keadaan perubahan iaitu: (i) situasi sedia ada, (ii): pergerakan kepada situasi yang baru, (iii) situasi baru

¹⁰ Karin Lukk, Marika Veisson, dan Loone Ots, “Characteristic of Sustainable Changes for Schools,” 35-44.

¹¹ Mohammed Sani dan Mohd Izham, *Pengurusan Perubahan Makro dalam Pendidikan*.



Rajah 1: Menunjukkan situasi perubahan daripada situasi A kepada B dan kepada C .

Guru Besar dan Perubahan di Sekolah

Menurut Shahril, pengetua sebagai agen perubahan bermaksud orang atau individu yang pertama atau utama yang membuat modifikasi dalam organisasi sekolah. Justeru itu, sebagai agen perubahan, pengetua haruslah membuat penyesuaian serta perubahan dalam bidang tertentu agar ia sesuai dengan perubahan persekitaran supaya sekolah sebagai sebuah institusi sosial dapat terus hidup dan berfungsi.

Kepimpinan pengetua di sekolah sangat memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan sesebuah sekolah. Kepimpinan adalah satu konsep yang sukar dan kompleks kerana ia tidak terikat dengan penghasilan dan pengekalan arahan tetapi ia melahirkan perubahan¹². Menurut Shahril, Pengetua sebagai agen perubahan bermaksud orang atau individu yang pertama atau utama yang membuat modifikasi dalam organisasi sekolah, semakin baik dan kreatif pengetua itu, maka semakin baiklah sekolah yang ditadbirnya¹³.

Justeru itu, sebagai agen perubahan, pengetua haruslah membuat penyesuaian serta perubahan dalam bidang tertentu agar ia sesuai dengan perubahan persekitaran supaya sekolah sebagai sebuah institusi sosial dapat terus hidup dan berfungsi. Persoalannya mampukah Pengetua yang dibebani dengan tugas sebagai pentadbir, pemimpin pengajaran dapat melaksanakan perubahan secara berkesan?.

Salah satu tugas pengetua di sekolah ialah memastikan segala dasar dan undang-undang dipatuhi. Pengetua sebagai pemimpin sekolah mempunyai kuasa yang terbatas. Ini bermakna pengetua harus melaksanakan segala dasar-dasar baru yang diarahkan

¹² Abdul Ghani Abdullah, *Kepimpinan & Penambahbaikan Sekolah* (Kuala Lumpur: PTS, 2009).

¹³ Yahya Don, Aziah Ismail dan Yaakob Daud, *Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar Sekolah di Malaysia* (Selangor: PTS, 2007).

kepadanya oleh pihak atasan berdasarkan kebijaksanaannya, misalnya pelaksanaan KBSR, KBSM, Sekolah Bistari, Sekolah Berkesan dan sebagainya. Dari aspek perubahan, pengetua mestilah menjuarai perubahan yang diperkenalkan dan mampu menyelesaikan masalah yang berbangkit.¹⁴

Secara umumnya tugas seorang Guru Besar dapat disenaraikan seperti berikut;:

1. Guru Besar Sebagai Pemimpin di Sekolah

Peranan pemimpin iaitu pengetua di sekolah, semakin hari semakin mencabar sesuai dengan perkembangan dunia pendidikan dalam arus dunia pemodenan. Pengetua adalah sebagai pemimpin di sesebuah sekolah dan memikul tanggungjawab yang amat penting dalam sistem sekolah. Kepimpinan juga telah diterima sebagai faktor utama yang membezakan antara organisasi yang berkesan dengan organisasi tidak berkesan¹⁵. Malah kejayaan atau kegagalan sesebuah sekolah selalu dikaitkan dengan kepimpinan seseorang pengetua. Pemimpin merupakan individu yang menjadi ketua dan penggerak dalam sesebuah organisasi. Kepimpinan ialah kebolehan, kecekapan, keberkesanan dan kewibawaan seseorang pemimpin menggerakkan organisasi.

2. Guru Besar Sebagai Pemimpin Kurikulum dan Kokurikulum

Sebagai pemimpin kurikulum dan pemimpin kokurikulum, pengetua bertanggungjawab menjadikan sekolah mereka sebagai sebuah organisasi pembelajaran. Bidang ini sangat luas dan sangat memerlukan mereka untuk sentiasa meningkatkan tahap kepimpinan mereka agar segala tindakan yang dilakukan dapat memenuhi Falsafah Pendidikan Negara.

3. Guru Besar Sebagai Pengurus Kurikulum/Kerja Ikhtisas

Pengetua sebagai pengurus kurikulum dalam kerja ikhtisasnya secara ringkasnya adalah sebagai seorang penyelia dan mengawal polisi dan objektif sekolah selaras dengan polisi Kementerian Pendidikan. Selain daripada itu guru besar berhak untuk menentukan sasaran sekolah, merancang peningkatan pengajaran dan pembelajaran, contohnya menyasarkan pencapaian 100% lulus atau sekurang-kurangnya 10 orang murid mendapat 5A dalam

¹⁴ Mohammed Sani, Mohd Izham dan Jainabee, *Sekolah Berkesan*.

¹⁵ Abdul Shukor Abdullah, "Kepimpinan Unggul Tonggak Pengurusan Pendidikan Cemerlang", *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan* (2004), 18-33.

UPSR bagi tahun tersebut. Guru besar juga bertanggungjawab bagi memastikan guru-guru mengajar berpandukan Sukatan Pelajaran dan Rancangan Pelajaran mengikut peruntukan waktu yang ditetapkan. Bidang Kurikulum yang luas pula menuntut Guru Besar sebagai penyelia yang menjalankan penyeliaan iaitu dengan menentukan kualiti dan kuantiti kerja pelajar serta pemeriksaan buku pelajar, bidang peperiksaan iaitu menentukan polisi-polisi mengenai penilaian dan peperiksaan, memperhalusi data-data daripada analisis peperiksaan yang digunakan untuk perancangan dan tindakan susulan, mencerap dan menyelia p&p, sebagai pemeriksa Buku Rekod Mengajar Guru, Buku Kemajuan Pelajar, Jadual Waktu, Buku Profil, Buku Kedatangan Pelajar, Penggunaan PSS, panitia mata pelajaran dan memeriksa Buku Kegiatan Kokurikulum dari masa ke semasa. Tugas Ikhtisas Guru Besar sebagai seorang pemimpin pengajaran di kelas pula menuntut seorang Guru Besar untuk mengajar sebanyak enam masa dalam seminggu.

4. Guru Besar, PIBG dan Komuniti

Sekolah perlu beroperasi dengan melibatkan ibu bapa dalam program yang dirancang. PIBG merupakan medium antara ibubapa dan guru dalam membincangkan operasi harian sekolah. guru besar harus bijak mewujudkan jaringan dengan ibubapa dan komuniti agar sokongan terhadap sekolah dapat dicapai. PIBG, sekolah, ibubapa dan komuniti setempat perlu menyokong antara satu sama lain demi kebaikan pelajar. Justeru itu perubahan sikap dan kepimpinan guru besar mengikut situasi harus ditangani dengan bijak oleh guru besar. Maka di sinilah terletak sikap kebijaksanaan guru besar dalam menjalinkan hubungan dua hala agar hubungan yang terjalin dapat mencapai kejayaan.

Walau bagaimanapun dari perspektif pengurusan, guru besar secara umumnya adalah sebagai seorang individu yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sesuatu perubahan di sekolah, tetapi hakikatnya dalam melaksanakan perubahan ada pihak-pihak yang lain turut terlibat. Dalam melaksanakan perubahan, peranan pengetua dan guru besar adalah lebih kepada mengurus, mentadbir dan memimpin orang bawahan ke arah perubahan yang dijangkakan. Bagi merealisasikan sesuatu perubahan yang dicadangkan, pengetua atau guru besar memerlukan penglibatan pihak lain.

Guru besar juga merupakan penaja kepada perubahan (sekumpulan atau seorang individu di sebuah organisasi yang mempunyai autoriti terhadap perubahan tersebut). Pengetua akan menggunakan kedudukannya, kuasa yang diperuntukkan serta pengaruh mereka untuk merealisasikan perubahan, contohnya di sekolah penaja kepada sesuatu perubahan mungkin sekali pengetua dan guru besar atau pihak yang lebih tinggi bergantung kepada siapa yang melaksanakan perubahan.

Ahmad Fauzi menjelaskan peranan pengetua sebagai penaja secara amnya adalah seperti berikut:

1. Menjelaskan hasil perubahan yang diperlukan.
2. Memastikan adanya perancangan yang rapi untuk mengurus perubahan.
3. Mengenal pasti impak dan kos nyata dan tidak nyata yang akan terlibat akibat perubahan.
4. Memastikan sumber pelaksanaan perubahan mencukupi agar matlamat perubahan dapat direalisasikan.
5. Komited dengan perubahan yang ingin dilakukan.
6. Menghargai perubahan-perubahan perlakuan yang diharapkan walaupun sebesar zarah.
7. Menangani segala bentuk rintangan yang akan menghalang terhadap perubahan.

Senario di SRAI dan Isu dan Pelaksanaannya di Sekolah

Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) JAIS turut melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2011. Ia merupakan Strategi Format Baru Peperiksaan. Tujuannya KSSR adalah untuk melahirkan modal insan berilmu, berkemahiran dan berakhlak. Pengumuman ini telah disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri ketika itu dengan hasrat langkah ini dapat memperkasa bidang pendidikan. Apa yang menjadi masalah ialah terdapatnya rungutan dalam kalangan guru-guru terhadap pelaksanaan KSSR di peringkat sekolah. Masalah yang dihadapi guru-guru SRAI ialah berkaitan dengan pelaksanaan format baru KSSR. Format subjek KSSR pula kadangkala berubah dan sentiasa ditambahbaik mengikut kehendak semasa.

Kamal¹⁶ menyatakan guru-guru di SRAI kurang kefahaman berhubung pendidikan dan pelaksanaan kurikulum integrasi. Selain itu guru-guru di SRAI juga mempunyai latar belakang pendidikan, pengkhususan dan pengalaman yang berbeza untuk mengajar sesuatu subjek / mata pelajaran selain tidak mempunyai pengalaman mengajar yang cukup. Didapati juga ramai guru-guru SRAI memiliki pelbagai disiplin sebagai sains sosial, sains dan teknologi dan agama dan hanya mempunyai pengalaman mengajar di sekolah yang ditempatkan.

Cadangan Penyelesaian dalam Melaksanakan KSSR di SRAI

Walaupun menghadapi pelbagai cabaran mahupun masalah yang kompleks untuk memenuhi perubahan KSSR sendiri, terdapat jalan penyelesaian untuk menghadapi sebarang masalah yang timbul. Antara cadangan jalan penyelesaian dalam melaksanakan perubahan dalam memenuhi KSSR tersebut ialah perubahan yang dilakukan mestilah dirancang bersama sama dengan Guru Besar dan guru-guru yang terlibat dalam pelaksanaan KSSR dengan mengadakan perbincangan secara teliti dan mengambil kira kesan jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Kamal¹⁷ menyatakan bahawa guru-guru yang hendak melakukan perubahan mestilah terlebih dahulu melengkapkan diri mereka dengan kekuatan baru jika mereka hendak berjaya dalam melakukan perubahan. Guru Besar juga perlu memberi sokongan padu dalam melaksanakan perubahan kurikulum KSSR, motivasi dan dorongan dan kata-kata semangat perlu diberi kepada guru-guru agar pelaksanaan KSSR dapat dijalankan dengan jayanya.

Selain daripada itu guru besar perlu sentiasa memantau dan meminta maklum balas daripada guru-guru terhadap kekurangan dan masalah yang dihadapi oleh guru-guru KSSR sekiranya ada. Pemantauan yang dijalankan itu diharap dapat mengatasi segala kekurangan, kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh guru-guru.

¹⁶ Mohd Kamal, *Tahap Kefahaman dan Amalan Guru terhadap Pendidikan Integrasi di Sekolah Rendah Agama Integrasi* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012).

¹⁷ Mohd Kamal, *Tahap Kefahaman dan Amalan Guru terhadap Pendidikan Integrasi di Sekolah Rendah agama Integrasi*.

Bagi menangani masalah yang dihadapi oleh guru SRAI, maka pihak yang terlibat khususnya pihak Bahagian Pendidikan Islam telah mengambil inisiatif bagi memantapkan lagi pelaksanaan PdP KSSR, seperti memanggil pakar dalam bidang subjek berkaitan KSSR seperti Jurulatih Utama (JU) di peringkat sekolah, daerah mahupun negeri dengan mengadakan *in-house training* agar aktiviti berkaitan pelaksanaan KSSR dapat dibincangkan secara bersama. Selain itu usaha sama seperti mengadakan bengkel, mesyuarat atau post-mortem dengan menggabungkan beberapa daerah seperti Hulu Langat dan Sepang juga sedang giat dilaksanakan.

Maka di sinilah terletaknya fungsi guru besar dan Pengetua memainkan peranan dalam melaksanakan perubahan tersebut sebagai perancang, pembimbing, penyelia, penilai dan pembekal sumber bagi menggalakkan dan memperbaiki pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah selaras dengan pengenalan KBSR/KSSR serta KBSM¹⁸

Sejarah Perubahan Pendidikan di Zaman Rasulullah SAW

Pendidikan di zaman Rasulullah SAW dapat dibahagikan kepada dua peringkat yang menjadi asas bidang pendidikan umumnya. Bagi memperlihatkan perkembangan kurikulum pendidikan Islam terdapat beberapa peringkat perubahan pendidikan di zaman Rasulullah SAW. Antaranya termasuklah:

1. Generasi Peringkat Pertama bermula di Mekah selama 13 tahun, manakala 10 tahun di Madinah.
2. Pendidikan secara sulit di Mekah dijalankan selama 3 tahun, bermula di rumahnya, rumah para sahabat (rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam), masjid-masjid juga di tempat-tempat perhimpunan, di mana baginda tidak mengizinkan sama sekali individu Islam berada dalam keadaan kejahilan dan buta huruf. Bermula dengan ahli keluarga baginda kemudia para sahabat.
3. Perubahan daripada sembunyi kepada kaedah secara terang-terangan/terbuka selepas 3 tahun selepas mendapat wahyu:

فَأَصْدَعُ بِمَا نُؤْمَرُ وَأَعْرِضُ عَنِ الْمُشْرِكِينَ

Al-Hijr 15:94

¹⁸ Abdul Ghani Abdullah, *Kepimpinan & Penambahbaikan Sekolah*.

Terjemahan: Oleh itu, sampaikanlah secara berterus-terang apa Yang diperintahkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan janganlah Engkau hiraukan bantahan dan tentangan kaum kafir musyrik itu.

Penutup

Kesimpulannya perubahan amat dominan dalam dunia pendidikan kerana sifatnya yang dinamik. Pendidikan sebagai wadah penyediaan sumber manusia untuk masa hadapan sentiasa perlukan perubahan. SRAI sebagai sebuah institusi sosial seharusnya peka terhadap tuntutan-tuntutan dan pelaksanaan baru terhadap pendidikan. Asas pembinaan negara bangsa bermula di sekolah bagi menyediakan rakyat Malaysia ke arah satu bangsa yang bersatu padu dan saling bekerjasama. Rasional pelaksanaan KSSR adalah bagi memansuhkan peperiksaan di mana pelajar tidak lagi dibebankan dengan sistem pembelajaran berorientasikan peperiksaan semata-mata. Bagi guru pula hasil daripada pelaksanaan KSSR, mereka dapat meningkatkan profesionalisme perguruan.

Rujukan

- Abdul Aziz Yusuf. *Mengurus Perubahan dalam Organisasi*. T.tp.: Arah Publication, 2008.
- Abdul Ghani Abdullah. *Kepimpinan & Penambahbaikan Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS, 2009.
- Abdul Shukor Abdullah. "Kepimpinan Unggul Tonggak Pengurusan Pendidikan Cemerlang". *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan* (2004), 18-33.
- Joseph Blase, "The Micropolitc of Educational Change," *Journal Extending Educational Change* (2005).
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1997.
- Lukk, Karin, Veisson, Marika dan Ots, Loone "Characteristic of Sustainable Changes for Schools", *Journal of Teacher Education for Sustainability*, vol. 9 (2008) pp. 35-44.
- Mohammed Sani dan Mohd Izham, *Pengurusan Perubahan Makro dalam Pendidikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012.

- Mohammed Sani, Mohd Izham dan Jainabee. *Sekolah Berkesan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.
- Mohd Izham dan Sufean Hussein. *Pengurusan Perubahan Terancang dalam Pembastarian Sekolah, Proses Pelaksanaan Polisi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009.
- Mohd Kamal. *Tahap Kefahaman dan Amalan Guru terhadap Pendidikan Integrasi di Sekolah Rendah Agama Integrasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012.
- Yahya Don, Aziah Ismail dan Yaakob Daud. *Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar Sekolah di Malaysia*. Selangor: PTS, 2007.

